



## PEKELILING AKADEMIK BIL. 8/2018

Semua Dekan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengarah  
Pusat Citra UKM


Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PENAWARAN KURSUS SEMESTER III SESI AKADEMIK 2017-2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa pendaftaran kursus Semester III Sesi Akademik 2017-2018 akan dilaksanakan mulai **23 hingga 29 April 2018**. Perkuliahan pula akan bermula pada **25 Jun hingga 26 Ogos 2018**. Sehubungan itu, bagi Fakulti yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester III Sesi Akademik 2017-2018 perlu membuat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) mulai **16 hingga 22 April 2018**. Pihak Fakulti/Pusat juga adalah diminta supaya mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Kursus yang diajar oleh tenaga pensyarah luar UKM, **nama pensyarah berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan;
- Jumlah had pelajar hendaklah dinyatakan setepat mungkin untuk memudahkan proses penjadualan kuliah;
- Set kursus mengikut taraf kursus Fakulti/Program/tahap pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah;
- Set kursus untuk **Prasiswazah Antarabangsa Khas (jika ada)** perlu diwujudkan bagi pelajar bukan warganegara mulai kemasukan Semester I Sesi Akademik 2008-2009;
- Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan;



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>


- f. Memaklumkan jumlah jam kuliah bagi kursus yang memerlukan bilik/dewan kuliah dan mengemukakan maklumat tersebut dengan **kadar segera**;
- g. Fakulti juga perlu memaklumkan bilik/dewan kuliah yang tidak boleh digunakan kerana telah dijadual aktiviti lain dan sebagainya dalam tempoh Semester III, 2017-2018.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

- i. Prasiswazah : Puan Syuhada Nur Ab Rahman di sambungan 8451 atau emel syunur@ukm.edu.my  
Puan Nor Shadira Binti Ramli di sambungan 8450 atau emel shadira@ukm.edu.my
- ii. Pascasiswazah : Puan Jumriah Binti Nunurung di sambungan 8388 atau emel jumriah@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




**MUHAMAD WALID BIN OSMAN**

Timbalan Pengarah

b.p. Timbalan Naib Canselor

(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k - Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti)  
Pusat Jaminan Kualiti
- Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 2845

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon:+603-8911 8452/8453/8454/8455/8456/8457/8458/8459/8460/8461/8465/8388/8389 Faksimili:+603-8911 8471

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/akademik>